

## **Inovasi daripada kearifan tempatan semasa pandemik covid-19**

### **ABSTRAK**

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan inovasi yang boleh dihasilkan berasaskan kepada kearifan tempatan sebagai kaedah menguruskan sumber pertanian semasa pandemik COVID-19 di Ranau, Sabah. Pengurusan sumber pertanian merupakan agenda penting dalam tempoh pandemik yang tercetus pada awal tahun 2020. Bagi mendapatkan maklumat awal kerja mengumpul data dilakukan melalui pemerhatian, temu bual dengan pengusaha pertanian dan melalui kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa Tindakan mengoptimumkan kearifan tempatan dalam menguruskan sumber pertanian menunjukkan beberapa kesan positif termasuk cetusan kreativiti, pewujudan peluang perniagaan dan peluang mengurangkan risiko lambakan sayuran dan pembaziran sumber.